

IQRA'

Bil. 3/2022
MAC
eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:
Topik Transgender**
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**
PTAR Dungun - muka 30



**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**
PTAR Hospital UiTM - muka 54

PROMOSI@PTAR

INTRODUCING THE NEW EQPS
ELECTRONIC QUESTION PAPER SYSTEM
Version 2.0

Check-Out New Website

External Membership UiTM Library

Payment Method: FPX, VISA, Boost, Alipay, kiplePay, WeChat Pay

39 UiTM LIBRARIES

Contact Person: [Details]



Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz



Taklimat Library Outreach bersama Pelajar Pra Pengajian Tinggi yang dihadiri seramai 47 orang pelajar mahasiswa UiTM Cawangan Pahang Kampus Jenka telah berjaya diadakan pada 30 Mac 2022, jam 4.30 petang.

Taklimat atas talian yang dikendalikan oleh Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki, Pustakawan dari Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jenka ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar baharu berkaitan perkhidmatan fizikal dan atas talian serta koleksi digital yang disediakan oleh Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang. Perkongsian berkaitan perkhidmatan atas talian dari portal MyKnowledge Management (MyKM) ini dikongsikan tentang cara pencarian bahan rujukan dari online database, pencarian e-book, pencarian kertas soalan peperiksaan serta cara pencarian buku berbentuk fizikal menggunakan sistem OPAC. Selain itu, para pelajar juga didedahkan dengan kemudahan serta perkhidmatan fizikal yang boleh digunakan sewaktu hadir secara fizikal di Perpustakaan Al-Bukhari, Kampus Jenka dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Raub.

Semoga taklimat Library Outreach ini dapat membantu para pelajar sepanjang sesi pembelajaran mereka di UiTM Cawangan Pahang seiring dengan Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education.

